

NO. SOALAN: 83

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR
BIN SALLEH**

TARIKH : 1 OGOS 2017

RUJUKAN : 10004

SOALAN:

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Bin Salleh [Kalabakan] minta
MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :-**

Adakah Kementerian sedar bahawa banyak pemilik ladang besar di negeri Sabah menggunakan tenaga pekerja asing tanpa permit; dan jika sedar apakah tindakan Kementerian kerana ladang-ladang ini tidak membayar levi untuk pekerja-pekerja asing mereka.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri Sabah telah memutuskan untuk melaksanakan Program Penggajian dan Penempatan Semula Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) atau Program *Rehiring*. Program ini telah dilaksanakan selama 6 bulan bermula pada 15 Februari 2017 dan berakhir pada 31 Ogos 2017.

Program *Rehiring* bertujuan untuk memberikan peluang kepada PATI yang bekerja secara haram di Malaysia diberikan Permit Kerja yang sah bagi menangani masalah kekurangan tenaga kerja di sektor-sektor yang dibenarkan serta membolehkan Kerajaan mengetahui jumlah PATI bagi tujuan pemantauan dan memenuhi keperluan senario keselamatan negara.

Program *Rehiring* akan dilakukan secara berhati-hati dan terkawal supaya tidak berlaku kes-kes penipuan oleh individu-individu yang tidak bertanggungjawab yang cuba mengambil peluang untuk mengaut keuntungan daripada PATI. Bagi tujuan ini, kerajaan negeri akan mengenakan syarat-syarat yang ketat terhadap PATI dan majikan untuk menyertai Program *Rehiring* ini.

SULIT

SULIT

Antara syarat-syarat utama Program Rehiring adalah PATI perlu mempunyai rekod kemasukan asal secara teratur ke Malaysia iaitu:

- i) PATI tinggal lebih masa atas Pas Lawatan (Kerja Sementara) dan sedang bekerja dengan majikan yang sama.**
- ii) PATI yang tinggal lebih masa atau Pas Lawatan (Kerja Sementara) dan sedang bekerja dengan majikan baru,**
- iii) PATI yang tinggal lebih masa atas Pas Lawatan (Sosial) dan sedang bekerja dengan majikan; dan**
- iv) kesemua PATI bebas daripada sebarang rekod jenayah.**

Selain daripada itu, pelaksanaan Program *Rehiring* adalah tertakluk kepada sektor yang dibenarkan sahaja iaitu Sektor Pertanian, Perladangan, Pembuatan dan Perkhidmatan. Program ini hanya melibatkan 2 buah negara sahaja iaitu Indonesia dan Filipina.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui tindakan Penguatkuasaan, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Negeri Sabah telah melakukan Operasi Bersepadu bersama pelbagai agensi penguatkuasaan. JIM Sabah terlibat dalam operasi penguatkuasaan secara harian di seluruh negeri. Pihak jabatan terlibat dalam operasi penguatkuasaan secara bersepadu yang diketuai oleh ESSCOM di kawasan Pantai Timur Sabah manakala di kawasan Pantai Barat diketuai oleh Majlis Keselamatan Negara.

SULIT

SULIT

Operasi penguatkuasaan juga tertumpu kepada majikan yang menggaji pekerja tanpa izin atau melindungi pendatang tanpa izin dan sindiket yang terlibat dalam penyeludupan manusia.

Kementerian ini melalui pelbagai agensi penguatkuasa seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan JIM sentiasa memantau pelbagai sektor yang beroperasi di Sabah. Pemeriksaan terhadap premis-premis berkenaan kerap kali diadakan sama ada oleh JIM secara bersendirian mahupun melalui Operasi Bersepadu sepanjang tahun.

SULIT

SOALAN (84)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 1 Ogos 2017
[Selasa]
DARIPADA : YB. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]

SOALAN :-

YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah proaktif dan persiapan Kerajaan untuk menghadapi kemungkinan bencana banjir di seluruh negara pada tahun ini yang kebiasaannya melanda di penghujung tahun.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua Jabatan dan Agensi Kerajaan yang terlibat dalam pengurusan dan bantuan bencana Negara seperti Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa berada di dalam keadaan siap siaga bagi menghadapi sebarang kemungkinan berlakunya bencana pada tahun ini. Semua peralatan dan jentera milik agensi-agensi yang terlibat seperti pacuan empat roda, bot penyelamat, lori dan lain-lain juga telah dipertingkatkan dan bersedia digerakkan bagi tujuan menyelamatkan dan memindahkan mangsa-mangsa bencana.

Selain itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pula sentiasa memastikan kebajikan mangsa-mangsa bencana di pusat-pusat pemindahan terjamin. JKM dan APM akan menguruskan pendaftaran kemasukan mangsa ke pusat pemindahan dan seterusnya menyelia pasukan-pasukan badan bukan Kerajaan (NGO) yang turut membantu.

Selari dengan usaha untuk memantapkan pengurusan bantuan bencana, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) selaku *National Focal Point* atau Penyelaras Utama pengurusan bencana, telah menyediakan platform induk bagi menghubungkan rangkaian kerjasama di peringkat pusat bersama NGO untuk

mengenal pasti keupayaan dan bentuk sumbangan yang boleh digembleng untuk membantu kebajikan mangsa-mangsa bencana.

Di samping itu, NADMA juga telah melaksanakan beberapa program latih amal dan simulasi bencana bagi memastikan koordinasi setiap agensi penyelamat di seluruh negara dapat diselaraskan. Antara program yang telah dan akan dilaksanakan adalah:

- i) Latih amal tsunami dan gempa bumi di Wilayah Persekutuan Labuan pada 13 Mei 2017;
- ii) Program kesedaran bersama NGO di Pulau Meranti, Puchong, Selangor pada bulan April 2017;
- iii) Program Kesedaran Bencana bersama Komuniti Orang Asli Bukit Tadam, Sepang, Selangor pada 23 April 2017; dan
- iv) Bulan Kesiapsiagaan Nasional yang akan diadakan pada bulan Oktober 2017.

Selain itu, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah yang dibantu oleh APM selaku Sekreteriat Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah turut menjalankan program-program kesedaran pengurusan bencana banjir dari semasa ke semasa untuk memberi input kepada masyarakat dalam meningkatkan kesedaran risiko bencana.

Sekian, terima kasih.